TRANSFORMASI UA

HARIAN METRO (BESTARI) 16 NOV 2015 M/S 4-5

Universiti awam perlu guna kepakaran dimiliki untuk mencari dana

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Sejak sekian lama, universiti awam (UA) sering dilabel sebagai 'anak emas' kerana terlalu bergantung kepada dana kerajaan untuk menampung kos perbelanjaan pengurusan dan pentadbirannya.

Dengan kata lain, ketika institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kreatif mencari sumber dana bagi menampung kos itu, malah ada yang berjaya mencatatkan keuntungan jutaan ringgit setiap tahun, kebanyakan UA terus selesa dengan hanya memumpukan perhatian kepada tugas hakiki.

Kini zaman sudah berubah seiring dengan pelbagai transformasi pendidikan di seluruh dunia menyebabkan UA yang menjadi gedung golongan intelektual perlu memikirkan cara untuk mencari dana sendiri bagi meneruskan survival masing-masing.

Dan, masanya sudah tiba untuk menyahut cabaran itu apabila dalam Belanjawan 2016 baru-baru ini, peruntukan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi berkurangan daripada RM15.78 bilion tahun ini kepada RM13.37 bilion tahun depan.

Bajet 2016 menyaksikan Universiti Malaya paling banyak menerima potongan dalam pembiayaan iaitu RM175 juta atau 27.3 peratus.

Bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Terengganu pula, peruntukan masing-masing dipotong lebih 20 peratus.

Bajet bagi 11 UA lain dikurangkan antara 10 hingga 20 peratus, manakala empat lagi IPTA peruntukannya dikurangkan sehingga 10 peratus.

Ada pihak melihat senario ini dari sudut negatif, sekali gus dengan mudah membuat tohmahan kononnya kerajaan sudah tidak mampu membiayai UA yang bilangannya makin bertambah hingga menyebabkan pihak universiti perlu mencari dana sendiri.

Bagaimanapun, ada yang menganggap transformasi itu tepat pada masanya di tengah-tengah kemuncak kehendak pelbagai pihak yang mahu melihat IPTA mengoptimumkan kapasitinya sebagai gedung ilmu.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UITM) Prof Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar berkata, semua UA seharusnya sudah bersedia melakukan transformasi itu sebagai satu mekanisme untuk bersaing di peringkat global.

Menurutnya, kebergantungan UA kepada kerajaan perlu dikurangkan secara beransur-ansur bagi memberi peluang kepada mereka berdikari, selain membuat persediaan bagi menghadapi pelbagai keperluan.

"Ramai menyangka apabila dana dikurangkan, ia akan menimbulkan pelbagai masalah yang boleh menjejaskan pengurusan universiti.

"Jangan melihat aspek luaran semata-mata kerana ia boleh mengundang persepsi tidak tepat. Kebergantungan kepada kerajaan separutnya dijadikan motivasi untuk melaksanakan komitmen mencari dana sendiri," katanya.

Beliau berkata, tindakan itu bukan asing kerana sudah diamalkan kebanyakan universiti terkemuka seluruh dunia yang mengoptimumkan kepakaran mereka dalam pelbagai bidang.

Menurutnya, senario kini menuntut setiap universiti lebih aktif menggunakan pelbagai sumber kepakaran dimiliki untuk berdikari.

"Ia bukan perkara baru kerana sudah lama dipraktikkan. Universiti terkemuka dunia seperti Harvard, Cambridge dan sebagainya sudah lama mencari dana sendiri.

"Di Malaysia kita bernasib baik kerana kerajaan masih membiayai kos pengurusan UA agar tidak terlalu membebankan universiti.

MELAHIRKAN sumber manusia yang mampu memenuhi kehendak industri juga antara aset institusi untuk jangka panjang. - Gambar hiasan

> "Ia bukan perkara baru kerana sudah lama dipraktikkan. Universiti terkemuka dunia seperti Harvard, Cambridge dan sebagainya sudah lama mencari dana sendiri"
>
> DR SAHOL HAMID

IPTA boleh menggunakan pelbagai kaedah bagi melakukan perkongsian atau penjualan kepakaran kepada institusi luar. - Gambar hiasan

BIDANG penyelidikan antara kekuatan IPTA untuk menjana pendapatan. - Gambar hiasan

KERJASAMA dengan industri dan universiti luar negara antara transformasi dilakukan IPTA untuk pertukaran maklumat ilmiah. - Gambar hiasan

TIDAK terlalu bergantung kepada dana daripada kerajaan membolehkan universiti membangunkan kepakaran dengan pelbagai pihak, sekali gus mewujudkan hubungan dengan institusi. - Gambar hiasan

"Kita sepatutnya sudah bersedia menghadapi apa juga perubahan kerana sebagai pusat yang melahirkan golongan cerdik pandai, kemahiran survival perlu ditekankan dalam semua aspek merangkumi graduan, penyelidikan, kepakaran profesional dan sebagainya," katanya.

Dr Sahol Hamid juga berharap isu itu tidak dipolemikkan.

"Hal ini tak perlu dipertikaikan kerana sebagai sebuah universiti, kami perlu menyahut cabaran itu dan membuktikan kami bukan saja mampu dalam soal pembelajaran dan pengajaran, malah melonjakkan keupayaan dalam pelbagai aspek lain," katanya.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh baru-baru ini menggesa UA berusaha mencari sumber dan peruntukan sendiri tanpa terlalu bergantung kepada dana kerajaan seperti diamalkan pusat pengajian di luar negara.

"Saya tidak nafikan apabila gesaan itu dibuat banyak reaksi kontra dilontarkan, apatah lagi jika membabitkan institusi awam yang selama ini dibiayai sebahagian besar perbelanjaannya oleh kerajaan.

"Sepatutnya mereka melihat dari sudut kebaikannya iaitu sebagai isyarat kepada UA menggunakan kemahiran untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian," katanya.

Dr Sahol Hamid berkata, pemotongan dana itu sebenarnya menguntungkan UA yang diberi kebebasan untuk mencorakkan sendiri universiti masing-masing tanpa perlu berdepan kerenah birokrasi.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pengurangan peruntukan kepada UA mampu melatih universiti supaya lebih efisien dalam melaksanakan program masing-masing.

Dalam satu kenyataannya, beliau berkata, pengurangan itu dilihat satu cabaran untuk IPTA bertindak lebih kreatif bagi memajukan sektor pendidikan tinggi negara dalam merealisasikan pelan strategik universiti mengikut perancangan.

"Kami bersyukur kerana kerajaan masih mampu mengeluarkan bajet bagi membolehkan universiti terus beroperasi dengan berkesan.

"Untuk UMP sendiri, pemberian status autonomi pada bulan lalu antara pengupaya utama transformasi dalam menjadikan universiti ini lebih kompetitif untuk menjana pendapatan sendiri," katanya.

Menurut Dr Daing Nasir, pemberian status autonomi itu juga membuktikan keupayaan UMP memikul tanggungjawab dalam beberapa aspek tertentu dengan penuh berintegriti, antaranya tadbir urus institusi, kewangan, sumber manusia dan akademik.

Katanya, UMP sudah melaksanakan perbelanjaan berhemat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan menggunakan kemudahan guna sama serta mengamalkan beberapa inisiatif penjanaan sumber dalaman sendiri.

Selain itu, inisiatif MyGift UMP juga diperkenalkan dalam melaksanakan endowmen dan tabungan sebagai dana bagi mengadakan pelbagai aktiviti seperti penyelidikan serta menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang.

Info

Kebanyakan kos operasi universiti awam di Malaysia bergantung sehingga 90 peratus peruntukan daripada kerajaan. Angka itu jelas terlalu tinggi berbanding universiti awam di beberapa negara jiran. Universiti Thamasad, Thailand, contohnya hanya bergantung 30 peratus peruntukan daripada kerajaan.

> "Untuk UMP sendiri, pemberian status autonomi pada bulan lalu antara pengupaya utama transformasi dalam menjadikan universiti ini lebih kompetitif untuk menjana pendapatan sendiri"
>
> DR DAING NASIR

JIKA dulu tanggungjawab hakiki universiti cuma melahirkan graduan, kini ia mencakupi pelbagai aspek termasuk mengoptimumkan sumber sedia ada. - Gambar hiasan